

Pusat pemindahan banjir perlu dinaik taraf

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Pusat pemindahan banjir di seluruh negara perlu dinaik taraf dengan segera kerana kemudahan yang disediakan di situ jauh ketinggalan berbanding yang terdapat di negara-negara lain khususnya Jepun.

Jurutera Unit Pemantauan Banjir Bahagian Hidrologi dan Sumber Air Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ariffin Mahamud berkata, kekurangan paling ketara ialah tiada tempat penjagaan kanak-kanak sehingga menyebabkan insan kecil itu terpaksa berse-sesak-sesak tanpa kemudahan air bersih dan menghadapi masalah kekurangan bekalan susu.

"Walaupun saya seorang lelaki, saya tidak dapat menahan perasaan hiba ketika melawat pusat pemindahan banjir di Johor baru-baru ini kerana keadaannya amat menyedihkan sekali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan hasil kajian langkah-langkah pencegahan banjir dan kaedah menyelamatkan bagi daerah Batu Pahat dan Muar pada Seminar Peta Risiko Banjir (PRB) Rantau Asia Timur dan Asia Tenggara di sini, hari ini.

Kajian tersebut adalah pelengkap setelah beliau menamatkan khusus jangka pendek mengenai teknik-teknik PRB selama sebulan di Pusat

Antarabangsa Pengurusan Risiko dan Bahaya Air (ICHARM) di Tsukuba, Jepun tahun lalu.

Gelombang pertama banjir besar yang melanda Johor dari 19 hingga 31 Disember lalu menyebabkan 148,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan manakala sejumlah 134,000 penduduk terpaksa dipindahkan ketika gelombang kedua bencana dari 11 hingga 31 Januari.